



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/08/24/0049 (22)
Tarikh : 5 Disember 2024

Perunding Sistem ETM
543-A, Jalan Pasir Puteh,
Taman Camay,
31650 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Encik Muhammad Syahmi)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN TAMBAHAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI
CADANGAN SEBUAH KILANG DI ATAS LOT 11496, JALAN LOGAM
2, KAMUNTING RAYA INDUSTRIAL ESTATE, 34600 KAMUNTING,
PERAK UNTUK TETUAN TAIPING KR INDUSTRIES SDN. BHD.**

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Taiping dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i)	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM5,100.00 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga :QT-09-0049).
ii)	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 9,060.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Tunai/Cek/Bank Draf di atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping
iii)	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 2,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Tunai/Cek/Bank Draf di atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap).
iv)	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan hand compactor (minima 600mm).
v)	Kerja pengorekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara clean-cut with diamond cutter atau seumpamanya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
vi)	Permukaan jalan hendaklah dibaiki dengan 'base course' 12 inci (300mm) tebal dari batu <i>crushed run</i> bersaiz 75mm yang diluluskan oleh Majlis ini dan seterusnya diturap 2inci (50mm) tebal dengan <i>premix</i> untuk 'wearing course' dimampatkan 4-8 ton roller tandem
vii)	Pemohon hendaklah melakukan kerja penurapan semula dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat tertakluk arahan pihak PBM
viii)	Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit.
ix)	Secara keseluruhan, pihak PBM TIADA HALANGAN bagi kerja-kerja pengorekan ini.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/08/24/0049 (12)
Tarikh : 5 Disember 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN TAMBAHAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI
CADANGAN SEBUAH KILANG DI ATAS LOT 11496, JALAN LOGAM
2, KAMUNTING RAYA INDUSTRIAL ESTATE, 34600 KAMUNTING,
PERAK UNTUK TETUAN TAIPING KR INDUSTRIES SDN. BHD.**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.
4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Perbandaran Taiping serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.
5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses.
6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Taiping seperti di nyatakan.
7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.
8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Syazwani Binti Norhisam** di talian **016-6231705** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/08/24/0049 (22)
Tarikh : 5 Disember 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN TAMBAHAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI
CADANGAN SEBUAH KILANG DI ATAS LOT 11496, JALAN LOGAM
2, KAMUNTING RAYA INDUSTRIAL ESTATE, 34600 KAMUNTING,
PERAK UNTUK TETUAN TAIPING KR INDUSTRIES SDN. BHD.**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OPS/04122024/Koridor/Wani

s.k :

- 1. Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Taiping
Wisma Perbandaran Taiping,
Jalan Taming Sari,
34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Bahagian Kejuruteraan)
- 2. Taiping KR Industries**
Lot 11496, Jalan Logam 2,
Kamunting Raya Industrial Estate,
34600 Taiping
Perak Darul Ridzuan
(u.p : Mr Chua)
- 3. Subzone TNB Taiping Perak**
20, Jalan Istana
Larut
34000 Taiping
Perak Darul Ridzuan
(u.p : Encik Hafiz)

